

30

TINDAKBALAS PENDENGAR DI KAWASAN
LUAR BANDAR TERHADAP SIARAN
RADIO MALAYSIA KOTA BHARU (RMKB)

Oleh

HASMAT ABDULLAH
1987

RANCANGAN KOMUNIKASI
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
1987

TINDAKBALAS PENDENGAR DI KAWASAN
LUAR BANDAR TERHADAP SIARAN
RADIO MALAYSIA KOTA BHARU(RMKB)

Oleh

HASMAT ABDULLAH

1987

RANCANGAN KOMUNIKASI
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG

1987

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada
Universiti Sains Malaysia bagi memenuhi sebahagian
daripada syarat-syarat Ijazah Sarjana Muda dengan
Kepujian dalam bidang Komunikasi Massa
sidang akademik 1986/87

ISI KANDUNGAN

	Muka
Kandungan	iii
Penghargaan	vi
Sinopsis	vii
Senarai Jadual	ix

BAB 1 : PENGENALAN.

Peranan Radio Dalam Masyarakat, Khususnya Radio Tempatan	1
Rasional Kajian	8
Hipotesis Kajian	13
Penjelasan Konsep	15

BAB 2 : KAJIAN-KAJIAN LALU YANG ADA HUBUNGAN DENGAN KAJIAN
INI.

Kajian-kajian Telah Lalu Berhubung Dengan Tindak- balas Pendengar	19
Sejarah Radio Malaysia dan Latarbelakang Radio Malaysia Kota Bharu	25
Sejarah Radio Malaysia Kota Bharu	27
Carta Organisasi Radio Malaysia Kota Bharu Kawasan Timur	30
Jenis-jenis Rancangan Siaran Radio Malaysia Kota Bharu(FMKB)	34
Kesimpulan	38

BAB 3 : KAEDAH PENYELIDIKAN.

Kawasan Kajian	39
Sebab-sebab Kawasan Ini Dipilih	42
Bentuk Kajian	44
Saiz Sampel	45
Responden Kajian	45
Kaedah Pemilihan Responden ,	46
Cara Pengumpulan Data	48
Cara Pemerosesan Data	48
Pra-Ujian(Pre-Test)	49
Had-had Kajian	50
Masalah-masalah Kajian	50
Penerangan Ringkas Borang Soal Selidik	52

BAB 4 : SIFAT-SIFAT PENDUDUK DI KAWASAN SELISING DAN HUBUNGANNYA DENGAN SIARAN RMKB.

Pengenalan	55
Ciri-ciri Demografi Ahli di Dalam 100 Buah Rumah	56
Bilangan Dan Peratusan Ahli Yang Mendengar dan Tidak Mendengar Siaran RMKB	62
Pemilihan Media	72

BAB 5 : TINDAKBALAS PENDENGAR TERHADAP SIARAN RMKB.

Latarbelakang Responden	74
Tujuan Mendengar Siaran RMKB	80

Tabiat Mendengar Siaran RMKB	88
Rancangan Yang Diminati Oleh Pendengar di Kawasan Selising	104
Penyertaan Pendengar	117
Sikap Pendengar Terhadap Siaran RMKB	118
Penilaian Pendengar Terhadap RMKB	121
Cadangan Responden	121

BAB 6. : KESIMPULAN.

Pengenalan	123
Tujuan Mendengar Siaran RMKB	126
Tabiat Mendengar Siaran RMKB di Kawasan Selising ...	127
Rancangan Yang Paling Diminati Oleh Pendengar Di Kawasan Selising	130
Sikap Pendengar Terhadap Siaran RMKB di Kawasan Selising	131
Penilaian Pendengar Terhadap Siaran RMKB	132
Penilaian Terhadap Objektif RMKB	132
Kesimpulan Keseluruhan	133
Cadangan Untuk Kajian Seterusnya	133
Cadangan Kepada Pihak RMKB	134

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN A

LAMPIRAN B

LAMPIRAN C

PENGHARGAAN

"Bismilahirrahmanirrahim"

Syukur ke khudrat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya, penulisan ini dapat juga disiapkan, meskipun tidak seperti yang dirancangkan.

Di sini juga saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Karthigesu selaku penyelia yang telah banyak mengorbankan masa dalam memberikan tunjuk ajar dan kritikan yang bernas dan membina sebelum, semasa dan sehinggalah Latihan Ilmiah ini dapat disiapkan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak RIM Kota Bharu, terutamanya kepada Puan Zawiyah dan En. Azizan yang telah bekerja sama dalam menyediakan bahan-bahan yang diperlukan. Juga ucapan terima kasih ditujukan kepada pegawai di Pejabat Jajahan Pasir Puteh dan juga kepada Penggawa Daerah Bukit Jawa dan tidak ketinggalan juga kepada semua penduduk kawasan Selising yang turut memberi kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada semua rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu, terutamanya 'Z' dan 'Ni'. Semoga semuanya sentiasa dicucuri rahmat oleh Allah s.w.t. Amin.

Hasmat Abdullah
Komunikasi Massa
USM, Mac 1987

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini merupakan satu usaha yang dirancang untuk mengetahui tindakbalas pendengar terhadap siaran Radio Malaysia Kota Bharu (RMKB). Tumpuan kajian diberikan kepada lima aspek utama iaitu, tujuan, tabiat, minat, sikap dan penilaian pendengar terhadap siaran tersebut.

Memandangkan siaran RMKB baharu sahaja diperkenalkan, maka kajian seperti ini amat diperlukan, untuk mengetahui setakat manakah sambutan orang ramai terhadap siaran tersebut.

Secara umumnya, Latihan Ilmiah ini ditulis dan dibahagikan kepada enam bab. Dalam Bab 1, penekanan diberikan kepada peranan radio dalam masyarakat khususnya di negara-negara membangun, rasional kajian, tujuan kajian, hipotesis kajian dan penjelasan konsep.

Bab 2 pula mengandungi kajian-kajian yang telah lalu berhubung dengan tindakbalas pendengar dan ia boleh dijadikan landasan untuk kajian ini. Dalam Bab ini juga, dimuatkan dengan sejarah Radio Malaysia dan latarbelakang Radio Malaysia Kota Bharu.

Bab 3 meliputi metodologi kajian, yang menjelaskan bagaimana kajian ini dijalankan, kawasan kajian, masalah-masalah kajian dan sebagainya yang berkaitan.